



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 19 Disember

Untuk Terbitan Media
19 Disember 2025

SIARAN MEDIA

MENTERI KESUMA UMUM 4 PERKARA BERKAIT KESELAMATAN SOSIAL

KUALA LUMPUR: Semua permohonan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merentasi empat akta boleh dikemukakan secara dalam talian, berkuat kuasa Januari ini.

Pembaharuan dasar itu antara empat pengumuman utama oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, selepas selesai mengadakan lawatan kerja rasmi sulung ke Menara PERKESO.

Tiga lagi inti pati pengumuman ialah berkaitan sasaran pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24 Jam) menjelang suku pertama atau akhir suku kedua 2026 dan pengurangan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) sebanyak 80 peratus mulai hari ini hingga hujung Februari 2026.

Turut diumumkan adalah Skim Pengembara yang akan dirintis menerusi kajian kebolehlaksanaan, mulai tahun depan, demi memastikan hampir 400,000 pekerja tempatan yang melintas Tambak Johor setiap hari tidak tercicir daripada mendapat perlindungan keselamatan sosial.

“Untuk memastikan perkhidmatan terbaik untuk lebih 10 juta pekerja sektor formal dan informal di Malaysia, saya mengarahkan PERKESO supaya semua permohonan faedah, meliputi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789), Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838) boleh dibuat secara dalam talian.

“Pengoperasian penuh portal LINDUNG Faedah akan membabitkan permohonan faedah Hilang Upaya Kekal (HUK), Hilang Upaya Sementara (HUS), Pencen Ilat, Penyakit Khidmat, Faedah Orang Tanggungan (FOT) dan Pencen Penakat.

“Oleh itu, kadar permohonan faedah PERKESO yang secara purata lebih 200,000 setahun dapat dipermudah, sekali gus tidak memberi bebanan tambahan kepada pencarum dan waris keluarga untuk tampil ke pejabat PERKESO di seluruh negara,” katanya pada sidang media, hari ini.

Turut hadir di Menara PERKESO ialah Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof; Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Mengulas lanjut, Ramanan berkata, pihaknya cakna dengan situasi segelintir majikan, khususnya

perusahaan medium, kecil dan sederhana (PMKS) yang berdepan kekangan peningkatan kos operasi perniagaan.

Sehubungan itu, katanya, pengurangan FCLB untuk tempoh sekitar dua bulan adalah amat berpatutan, demi memastikan kelangsungan operasi majikan.

Selain itu, beliau berkata, pembangunan infrastruktur dalaman dan peningkatan kecekapan pentadbiran PERKESO dilakukan bagi menjamin kelancaran pelaksanaan LINDUNG 24 Jam dan pengoperasian perundangan berkaitan sektor gig.

“PERKESO sudah meneliti semua rantai proses pentadbiran, termasuk merintis usaha meningkatkan keberkesanan pemprosesan kes melalui kaedah dalam talian.

“Bagi sektor gig pula, memandangkan caruman akan dibuat secara mandatori apabila Rang Undang-Undang Pekerja Gig 2025 dikuatkuasakan, KESUMA (Kementerian Sumber Manusia) mahu pastikan kelancaran operasi.

“Kita perlu pastikan setiap dasar yang direncana tidak sekadar cantik di atas kertas, tetapi diterjemahkan secara berkesan di lapangan,” katanya pada sidang media, hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, menzahirkan keyakinan bahawa kepimpinan baharu KESUMA akan memperkukuh keupayaan PERKESO sebagai pelaksana utama agenda reformasi perlindungan sosial negara.

“Dengan pengalaman, iltizam dan kepimpinan Dato’ Sri Ramanan, PERKESO akan terus memainkan peranan bukan sekadar sebagai pelaksana dasar, malah sebagai rakan strategik Kerajaan dalam membina negara yang berdaya tahan dan menjamin kesejahteraan sosial rakyat secara inklusif,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingat dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
19 Disember 2025**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikliil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my

